

# PM lancar logo baru Jabatan

## Kastam

UM 26 JAN 2002

MELAKA 25 Jan. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini merasmikan sambutan Hari Kastam Sedunia ke-20 dan melancarkan logo baru Jabatan Kastam Diraja, di Akademi Kastam Diraja, di sini.

Logo baru menggambarkan suasana dan keperluan semasa itu bersesuaian dengan nama baru Jabatan Kastam Diraja Malaysia yang sebelum ini dikenali sebagai Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia.

Sambutan Hari Kastam Sedunia yang bertemakan 'Integriti Amalan Bersama' itu turut menyaksikan pelancaran pakaian seragam baru jabatan itu.

Pakaian seragam baru itu kecuali kumpulan sokongan itu menggambarkan imej jelas mengenai peranan dan fungsinya.

Dr. Mahathir turut menyampaikan penghargaan kepada lima syarikat yang menjadi pembayar cukai terbanyak tahun lepas.

Syarikat-syarikat itu ialah Perusahaan Automobol Nasional sebagai pembayar cukai jualan tertinggi, Telekom Malaysia Berhad (Cukai Perkhidmatan), Tobacco Importers & Manufacturers Sdn. Bhd. (Duti Eksais), Naza Group of Companies (Duti Import) dan Petronas (Duti Eksport).